

BERITA HARIAN

# Kerajaan nilai semula projek mega RMK-9

## Pembinaan infrastruktur tak berapa perlu ditangguh : PM

Oleh Anwar Hussin  
dan Abdul Halim Yusoff

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, semua projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang memberi manfaat kepada rakyat, terutama yang berpendapatan rendah dan miskin akan diteruskan.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, projek infrastruktur mega yang tidak begitu diperlukan rakyat pada masa ini akan dinilai semula berikutan kenaikan mendadak kos, terutama bahan pembinaan dan pengangkutan.

Beliau berkata, cadangan untuk menilai semula projek mega itu dibuat Jawatankuasa Kajian Semakan Separuh Penggal RMK-9 yang dipengerusikan beliau.

"Arahan sudah dikeluarkan supaya semua projek yang memberi manfaat kepada rakyat dan mempunyai kesan limpahan menjana ekonomi sarta ada di luar bandar atau bandar tidak disentuh... jangan dikurangkan (peruntukan)," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini, malam tadi.

Abdullah yang juga Pengerusi BN berkata, kerajaan seboleh-bolehnya mahu melaksanakan semua projek yang sudah dirancang dalam RMK-9 tetapi kenaikan mendadak kos pembinaan memerlukan pertimbangan semula dibuat terhadap projek tertentu.

"Kita kena faham bahawa harga barang sudah meningkat, jika dulu peruntukan RM100 juta, tapi kini peruntukan sudah jauh lebih tinggi daripada itu kerana perlu diambil kira harga barang binaan dan pengangkutan yang melonjak.

"Ini semua memaksa kita membuat pelarasan terhadap semua peruntukan yang sudah dibuat sebelum ini," katanya sambil menolak keputusan itu akan menjejaskan pembangunan koridor dan wilayah ekonomi yang sudah dirancang.

Abdullah berkata, pembangunan koridor ekonomi, termasuk yang baru diumumkan di Sabah dan Sarawak akan diteruskan kerana kerajaan mempunyai peruntukan secu-



CARI PENYELESAIAN: Abdullah bersama Najib ketika mempengerusikan Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional di Kuala Lumpur, malam tadi.

***II Arahan sudah dikeluarkan supaya semua projek yang memberi manfaat kepada rakyat dan mempunyai kesan limpahan menjana ekonomi sama ada di luar bandar atau bandar tidak disentuh... jangan dikurangkan (peruntukan)"***

Abdullah Ahmad Badawi  
Perdana Menteri

kupnya untuk melaksanakan projek berkenaan pada tahun ini dan masa depan.

Katanya, pembangunan koridor adalah untuk jangka panjang dan kerajaan sudah menyediakan peruntukan untuk dua hingga tiga tahun pertama, dan akan membuat penilaian semula berdasarkan keaSan semasa.

"Sudah tentu dalam tahun pertama, kita ada peruntukan yang mencukupi dan ia tidak akan mengganggu pelaksanaan projek yang sudah ditetapkan," katanya.

Abdullah mengakui projek yang akan ditangguhkan sekarang mungkin kosnya akan lebih tinggi pada masa depan, tetapi yakin ketika itu kerajaan sudah mempunyai dana yang mencukupi untuk meneruskannya.

Katanya, sesuatu projek berkenaan ditangguhkan pada sesuatu masa kerana kerajaan kekurangan dana, tapi seperti banyak kes sebelum ini, ia akan diteruskan semula apabila kerajaan sudah mempunyai dana

yang mencukupi.

Perdana Menteri berkata, beliau juga memaklumkan pemimpin BN bahawa kerajaan akan menunaikan semua janji dalam manifesto pilihan raya umum lalu, khususnya yang berkepentingan rakyat.

Katanya, dalam pelan induk kajian separuh penggal RMK-9 turut dimasukkan pelan pembangunan kawasan luar bandar termasuk kampung baru dan estet dengan peruntukan untuknya sudah disediakan.

Turut diberi perhatian ialah pembangunan segera kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak yang masih tidak mempunyai prasarana asas seperti bekalan air, elektrik dan sekolah yang sempurna.

Mengulas hasil mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Membendung Inflasi yang dipengeruskannya, pe- tang semalam, Abdullah berkata, ia membincangkan mengenai aliran peningkatan kos bahan binaan dan memutuskan beberapa langkah yang akan diambil bagi menanganinya.